

01 NOV 2003

MATEMATIK DAN SAINS HARUS DITERUSKAN DALAM BAHASA INGGERIS

SEREMBAN, 1 Nov (Bernama) -- Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik harus diteruskan dalam Bahasa Inggeris kerana ia mampu menggerakkan usaha negara mencapai matlamat Wawasan 2020.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata, warga pendidik mesti meningkatkan usaha dan teknik pembelajaran dalam dua mata pelajaran itu bagi menarik minat pelajar menguasainya.

"Usaha mengajar Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris ini harus ditingkatkan lagi kerana ia boleh menyumbang ke arah penguasaan bahasa tersebut dengan lebih baik, khususnya kepada anak-anak dan generasi akan datang," katanya kepada media selepas menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang dan merasmikan makmal komputer Sekolah Kebangsaan Datuk Klana Maamor, di sini hari ini.

Katanya, mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamed juga sentiasa menyatakan bahawa kebanyakan buku bagi kedua-dua mata pelajaran tersebut ditulis dalam Bahasa Inggeris dan untuk menguasai bidang itu, pelajar mesti menguasai bahasa tersebut.

Menteri Besar berkata, sehingga hari ini penguasaan bangsa Melayu dalam bidang itu harus dipertingkatkan kerana mereka lemah dalam subjek itu.

Kementerian Pendidikan pada tahun 2006 mensasarkan sebanyak 60 peratus pelajar mengambil aliran sains di peringkat sekolah menengah.

--BERNAMA
ZAW APG BK